



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**PROGRAM SANTAI BERSAMA OKU
SAMBUTAN HARI OKU KEBANGSAAN 2019**

DI

PADANG BERSEBELAHAN BANGUNAN KPWKM

PADA

3 DISEMBER 2019

8.00 PAGI

Salam Sejahtera, Salam Hormat dan Selamat Pagi

SALUTASI

(AKAN DISEDIAKAN KEMUDIAN)

PENDAHULUAN

- 1. Pertama sekali saya ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang tidak dapat hadir bersama-sama kita dalam majlis yang bermakna dan penuh manfaat ini atas tuntutan tugas yang tidak dapat dielakkan.*
- 2. YAB Dato' Seri mengadakan lawatan ke Negeri-Negeri Pantai Timur bagi melawat mangsa dan pusat-pusat pemindahan banjir berikutan situasi bencana banjir yang semakin teruk di negeri-negeri tersebut.*
- 3. Saya akan mewakili YAB Dato' Seri untuk merasmikan Program Santai Bersama OKU Sempena Sambutan Hari OKU 2019 pada pagi ini dan saya akan membacakan teks ucapan perasmian beliau.*

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

4. Saya amat berbesar hati kerana kita dapat bersama-sama menghadiri Program Santai Bersama OKU bersempena dengan Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 pada pagi ini.
5. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatan Kuasa Penganjur, rakan-rakan strategik, NGO-NGO dan hadirin sekalian atas kehadiran dan sumbangan bagi menjayakan program ini, kehadiran anda semua amatlah bermakna bagi saya.

6. Untuk makluman semua, terdapat tiga (3) program utama yang telah dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sempena Sambutan Hari OKU pada tahun ini iaitu:
- i. **Program Pameran dan Jualan Lukisan yang telah diadakan mulai 22 – 23 November 2019 di DA MEN Mall Subang Jaya;**
 - ii. **Program Santai Bersama OKU pada hari ini:dan**
 - iii. **Konvensyen Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Peringkat Kebangsaan yang dijadualkan pada 4 – 6 Disember 2019 di Melaka.**
7. Selain itu, agensi lain seperti Institut Sosial Malaysia (ISM) juga telah melaksanakan Program Outreach Pemerkasaan Usahawan OKU pada 3 Nov 2019 yang telah disertai oleh 250 peserta dan Bengkel Disability Equality Training (DET) 2019 yang telah memanfaatkan seramai 100 orang peserta.

INISIATIF-INISIATIF MEMPERKASAKAN OKU

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

8. **Data yang diperolehi sehingga Jun 2019 menunjukkan terdapat seramai 549,554 orang OKU telah berdaftar dengan JKJ.**
9. **Kita mengharapkan lebih ramai OKU mendaftar dengan JKJ dan seterusnya mengambil bahagian dalam inisiatif atau program-program yang bersesuaian.**

10. Terkini, KPWKM telah menubuhkan *Special Project Team* Pindaan Akta OKU 2008 (SPT Pindaan Akta OKU) yang akan dianggotai oleh seramai 25 orang ahli mewakili pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan, badan profesional, ahli akademik, NGO dan individu yang berpengetahuan dan berpengalaman berkenaan OKU.
11. SPT ini akan mula bersidang pada Januari 2020 selama 6 bulan yang bertujuan memastikan satu draf Pindaan Akta OKU yang komprehensif di hasilkan. KPWKM mensasarkan supaya bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada Disember 2020.
12. Objektif penubuhan SPT ini adalah seperti berikut:
 - a. Meneliti, menggubal dan menyediakan draf Pindaan Akta OKU untuk semakan Jabatan Peguam Negara;
 - b. Memberi taklimat semasa sesi *road show* dan sesi konsultasi dengan semua Kerajaan Negeri;
 - c. Menyediakan input bagi pembentangan di Parlimen, sidang akhbar dan sebarang isu yang timbul berkaitan Pindaan Akta OKU sebelum ia diluluskan oleh Parlimen; dan
 - d. Membuat pindaan berdasarkan sebarang komen dan cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh ahli Parlimen.
13. Selain itu, pelbagai program dan inisiatif juga sedang dilaksanakan oleh JKM untuk OKU, antaranya seperti berikut:
 - i. Kempen Menggalakkan Pendaftaran OKU & Pengeluaran Kad OKU;
 - ii. Penyediaan Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK);
 - iii. Penyediaan peluang pekerjaan melalui Program Pemerkasaan Ekonomi (EEP) di PDK dan Job Coach; dan
 - iv. Penubuhan Pusat latihan berdikari (ILC) serta pemberian bantuan kewangan kepada OKU.

14. Terdapat juga inisiatif seperti pengecualian bayaran dokumen perjalanan (pasport antarabangsa), rawatan percuma di hospital dan klinik kesihatan kerajaan serta Elaun Murid Khas (EMK) sebanyak RM150 sebulan kepada semua murid berkeperluan khas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia turut diberikan kepada OKU-OKU yang layak.
15. Keperihatinan Kerajaan juga dizahirkan dalam Belanjawan 2020, yang turut memberi peruntukan untuk:
 - i. penubuhan lima (5) buah pusat latihan berdikari;
 - ii. Pelaksanaan Program Latihan dan Vokasional Sindrom Down
 - iii. Penubuhan 30 TASKA OKU
 - iv. Peruntukan untuk meningkatkan kemudahan mesra OKU di sekolah dan ini selari dengan *zero reject policy* oleh Kementerian Pendidikan.

Semua ini melibatkan peruntukan sebanyak RM43 juta.

16. Selain daripada perkhidmatan dan program yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, kita juga amat mengalu-alukan kerjasama oleh pihak swasta dalam memperkasakan OKU.
17. Sebagai contoh, Sempena sambutan Hari OKU pada tahun ini, Syarikat Prasarana telah bersetuju untuk memberi **tambang percuma (diskaun 100%) kepada semua pengguna OKU dan seorang pengiring pada 7 dan 8 Disember 2019, iaitu hari Sabtu dan Ahad ini.**
18. Tambang percuma ini akan melibatkan perkhidmatan *Mass Rapid Transit* (MRT), monorel dan *Light Rapid Transit* (LRT) dan pengguna OKU hanya perlu

menunjukkan Kad OKU mereka untuk pengesahan bagi menikmati kemudahan ini.

19. Pihak Prasarana turut menyediakan insentif sedia ada kepada pengguna OKU yang diberikan kepada OKU-OKU yang berdaftar dan mempunyai **Kad Konsesi yang membolehkan mereka mendapat potongan tambang sebanyak 50%** apabila menggunakan mana-mana kemudahan pengangkutan yang disediakan oleh Prasarana.
20. Saya menyeru agar OKU-OKU yang belum mengambil Kad Konsesi ini supaya mendapatkannya daripada stesen yang menyediakan kemudahan berkenaan, dan saya difahamkan sehingga kini terdapat seramai 9504 pemilik kad konsesi dan seramai 2738 orang adalah pengguna aktif.
21. Selain itu terdapat juga **syarikat korporat lain** yang tampil bersama-sama dengan KPWKM untuk menjayakan Sambutan Hari OKU pada tahun ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada **Bank Simpanan Nasional, DA MEN Mall, A Famosa Resort, Art Market, Syarikat Minuman Floridina, Yayasan Hijau, KK Super Mart, TF Value Mart dan Secret Recipe** yang telah tampil dengan pelbagai diskaun dan potongan harga yang menarik khusus untuk OKU.

22. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada agensi-agensi lain **seperti Muzium Negara, Balai Seni Negara, Hotel Seri Malaysia dan Pusat Sains Negara** yang sudi bekerjasama pada tahun ini.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

23. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur dan seluruh warga kerja KPWK, Ibu Pejabat JKM, semua JKMN serta semua agensi kerajaan, dan NGO yang telah bersama-sama membantu menjayakan majlis ini.
24. Sekali lagi, kepada semua warga OKU di Malaysia, Selamat Menyambut Hari Orang Kurang Upaya tahun 2019.
25. Dengan sukacitanya saya merasmikan Program Santai Bersama OKU sempena Sambutan Hari OKU 2019 dengan tema **Penyertaan OKU : Tiada Yang Tertinggal Dalam Agenda Pembangunan 2030.**

Sekian terima kasih.